

20/05/2002

Malaysia sokong Timor Timur sertai Asean

SHAH ALAM, Ahad - Malaysia yang menyambut baik kemerdekaan Timor Timur, menyokong saranan bagi kemasukan negara itu ke dalam Asean, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil mengucapkan tahniah kepada negara terbaru dunia itu, Perdana Menteri berkata, beliau kesal tidak dapat hadir untuk upacara sambutan kemerdekaan Timor Timur, kerana akan bertolak ke Jepun esok.

"Tahniah, tahniah...kita sangat gembira bahawa Timor Timur merayakan kemerdekaan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung MIC Ke-56 di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mewakili Malaysia ke upacara sambutan kemerdekaan Timor Timur yang disambut di ibu negaranya, Dili.

Ditanya sama ada Timor Timur akan menyertai Asean, Dr Mahathir berkata: "Ya, saya berpendapat ia perlu...Malaysia mengalu-alukan mereka menyertai Asean." Selain Malaysia, Asean dianggotai Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand, Filipina, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan Laos.

Kemerdekaan Timor Timur disambut tengah malam ini dalam satu majlis besar-besaran yang turut dihadiri Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Kofi Annan, Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri dan bekas presiden Amerika Syarikat Bill Clinton.

Sementara itu, Wisma Putra dalam satu kenyataan menyatakan bahawa kerajaan Malaysia dan Republik Demokratik Timor Timur akan menjalin hubungan diplomatik dan kerjasama erat dalam pelbagai bidang.

Sehubungan itu, Pejabat Perhubungan Malaysia di Dili akan ditingkatkan menjadi kedutaan, manakala kedutaan Timor Timur akan dibuka di Kuala Lumpur pada masa depan.

Ia meyakini bahawa kedua-dua kerajaan sedia bekerjasama berdasarkan prinsip menghormati kedaulatan negara dan tidak campur tangan dalam urusan dalaman masing-masing.

"Kerjasama juga akan dijalin berdasarkan keuntungan kedua-dua pihak serta prinsip keamanan yang ditetapkan PBB," katanya.

Kenyataan itu turut menyatakan persetujuan kerajaan Malaysia dan Timor Timur dalam menyediakan bantuan yang diperlukan bagi membentuk misi diplomatik.

Persetujuan berkenaan selaras dengan amalan antarabangsa dan Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Diplomatik 1961 serta Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Konsular 1963.

Malaysia adalah negara Asean kedua selepas Indonesia yang membuka pejabat di Timor Timur. Syed Hamid adalah antara menteri negara Asean pertama yang melawat wilayah itu pada Ogos 2000.

(END)